

# Menu Keluarga Malaysia bantu pelajar IPT

BH - 5/7/2022 ml: 3

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan memperkenalkan Menu Keluarga Malaysia di restoran koperasi, kafeteria serta premis jualan makanan di institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai alternatif bagi golongan sasaran mendapatkan hidangan pada harga berpatutan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Menu Keluarga Malaysia itu membabitkan hidangan pagi, tengah hari dan malam.

Mengulas lanjut, katanya, kerajaan juga akan memperhebat Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) membabitkan jualan barangan keperluan asas pada harga yang lebih murah dengan turut meluaskannya ke IPT di seluruh negara.

“Kerajaan sentiasa mendingar keluhan Keluarga Malaysia dan berusaha untuk memastikan cabaran kos sara hidup



*Ismail Sabri mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL).*

dapat dihadapi dengan sebaik mungkin.

“Justeru, kerajaan akan memperkenalkan Menu Keluarga Malaysia di restoran koperasi, kafeteria serta premis

jualan makanan di IPT sebagai alternatif bagi mendapatkan hidangan pada harga berpatutan,” katanya melalui kenyataan, semalam.

Terdahulu, Perdana Men-

teri mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL).

Pada masa sama, Ismail Sabri berkata, PJKM akan diadakan sepanjang masa mem-

babitkan kerjasama strategik bersama Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Program yang akan diterajui bersama KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Wilayah Persekutuan ini turut dilaksanakan dalam konsep bergerak,” katanya.

PJKM diperkenalkan kerajaan sejak 2 Disember tahun lalu dengan menawarkan barangan asas lebih murah antara 30 hingga 50 peratus.

Sebelum ini, jualan itu diadakan dua kali sebulan di seluruh negara dengan tumpuan PJKM di kawasan penduduk B40 dan M40 di seluruh negara dan merekodkan hasil jualan mencecah RM54.54 juta sejak dilancarkan.